

Newspaper	Berita Harian
Date	12/7/2014

Hantar ubat menerusi Rafah

BH-12/7/2014

» PGPF berusaha dapatkan pertolongan Mesir agih bantuan

Oleh Nadia Hamid dan Syida Arshad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Bantuan kecemasan perubatan ke Gaza, Palestin akan disalurkan segera menerusi saluran biasa iaitu melalui pintu sempadan Rafah atau diserahkan kepada Kerajaan Mesir untuk diagihkan.

Bekas Perdana Menteri merangkap Presiden Yayasan Kemanusiaan Global Perdana (PGPF), Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pihaknya tidak tahu dasar Kerajaan Mesir ketika ini, tetapi berusaha mendapatkan kebenaran untuk menghantar bantuan melalui Mesir.

"Kita berharap tiada halangan dalam menyampaikan bantuan dan niat murni kepada saudara seislam di Palestin. Ketika ini, Mesir sudah membenarkan penduduk Gaza yang cedera keluar menerima rawatan. Selain bantuan perubatan dan bekalan peralatan pembedahan, kita akan lihat keperluan lain yang boleh membantu rakyat di sana," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan replika cek Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima Berhad, di sini, semalam.



Dr Mahathir menerima sumbangan Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima sebanyak RM575,000 daripada Ahmad pada majlis di Kuala Lumpur, semalam. (FOTO ROSELA ISMAIL/BH)

Yang turut hadir ialah Penasihat Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Ahmad A Talib dan Pengarah Eksekutif PGPF, Dr Zulaiha Ismail.

Kumpul sumbangan
Media Prima menerusi Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima Berhad mengumpul sumbangan sebanyak RM575,000 untuk membantu penduduk Gaza yang ketika ini menjadi mangsa

kekejaman rejim Israel. Orang ramai dan organisasi yang ingin menyumbang kepada tabung berkenaan boleh berbuat demikian menerusi akaun Maybank 5642-7651-0331 di bawah nama 'Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima Berhad.' Pembayaran boleh dibuat menerusi aplikasi Maybank2u.com, bayaran tunai, cek dan di kaunter Maybank atau datang sendiri ke Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan, Media Prima Berhad,

Aras 1, Anjung Riong, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

Tabung kemanusiaan itu ditubuhkan sejak November tahun 2012 dengan kerjasama Mercy Malaysia dan PGPF bagi menggerakkan tabung kemanusiaan itu.

Biaya kos perubatan
Di Shah Alam, Dr Mahathir berkata, PGPF akan menyalurkan bantuan RM500,000 bagi menangan-



gung kos perubatan penduduk Gaza dan sumbangan itu diterima daripada pelbagai pihak, termasuk badan korporat dan orang ramai yang bersimpati dengan nasib penduduk Islam Palestin.

"Pada mulanya, kita berhasrat untuk menghantar bantuan perubatan terus ke negara itu untuk merawat mangsa cedera, yang kebanyakannya terdiri daripada kanak-kanak dan wanita.

"Bagaimanapun, untuk membawa masuk ubat mungkin agak sukar memandangkan kita perlu mendapatkan sokongan dari negara jiran untuk memasuki Palestin. Jadi, kita membuat keputusan akan beri dalam bentuk kewangan," katanya pada sidang media selepas melancarkan buku TPPA: *Malaysia is not for sale* di sini, semalam.

Mahathir berkata, PGPF turut melancarkan kempen supaya orang ramai boleh menyumbang bantuan melalui internet atau SMS, walaupun jumlahnya hanya RM1 atau RM2.

Sementara itu, ditanya mengenai Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA), Dr Mahathir berkata, beliau tetap dengan pendirian untuk menolak perjanjian itu yang dianggap berat sebelah serta menguntungkan negara Barat.